

**TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI**

**KELUARAN : OGOS 2025**

**TAJUK : MERAIKAN KEBERSAMAAN MELALUI TANGGUNGJAWAB PERCUKAIAN**

*Info Cukai*

Oleh: HASIL



## Meraikan Kebersamaan melalui Tanggungjawab Percukaian

Sering dengan landskap global yang semakin kompleks, cabaran yang dihadapi oleh negara tidak lagi terhad kepada satu sektor sahaja. Sebaliknya, cabaran ini memerlukan pendekatan menyeluruh yang menggabungkan kekuatan pelbagai pihak merangkumi kerajaan, sektor swasta dan komuniti serta individu. Nilai kebersamaan bukan lagi pilihan, malah menjadi keperluan strategik bagi memastikan daya tahan dan kelangsungan negara.

Bagi menghadapi ketidaktentuan ekonomi global serta usaha membangunkan sistem pendidikan dan kesihatan awam yang mampan, setiap rakyat Malaysia memainkan peranan yang saling melengkapi. Di sebalik pelbagai bentuk sumbangan ini, terdapat satu aspek penting yang sering kurang diberi perhatian, tetapi menjadi nadi utama kepada keupayaan negara merancang dan melaksanakan dasar fiskal, iaitu tanggungjawab membayar cukai.

Cukai bukan sekadar instrumen pungutan hasil negara, sebaliknya merupakan simbol solidariti nasional. Cukai melambangkan komitmen bersama bagi menyokong pembangunan infrastruktur, menjamin kesejahteraan sosial dan memperkukuh keadilan ekonomi. Setiap ringgit yang dibayar bukan sahaja memenuhi kewajipan undang-undang, tetapi turut menjadi pemangkin kepada pembinaan masa hadapan negara yang lebih inklusif dan berdaya saing.

Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2025, peruntukan keseluruhan Belanjawan MADANI Ketiga mencecah RM421 bilion yang menunjukkan komitmen berterusan kerajaan bagi mengimbangi antara tuntutan pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan rakyat.

Daripada jumlah ini, RM335 bilion diperuntukkan untuk belanja mengurus yang meliputi emolumen penjawat awam, subsidi, bantuan sosial serta perbelanjaan perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran negara. Sebanyak RM86 bilion pula diperuntukkan untuk belanja pembangunan dengan fokus kepada pelaburan strategik dalam infrastruktur, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan transformasi ekonomi digital. Jumlah perbelanjaan ini perlu diimbangi dengan sumber hasil yang mampan. Pada tahun 2024, kutipan cukai langsung mencecah RM184.8 bilion, meningkat sebanyak RM1.46 bilion atau 0.8 peratus berbanding dengan tahun 2023.

Hasil cukai langsung terus menjadi komponen utama dalam struktur fiskal negara. Bagi tahun 2024, cukai langsung menyumbang lebih daripada 60 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan, iaitu RM307.6 bilion. Peratusan ini bukan sahaja mencerminkan prestasi pematuhan cukai yang semakin baik, tetapi juga menzahirkan kebergantungan yang tinggi terhadap sistem percukaian sebagai sumber pembiayaan utama negara.



### **Instrumen Cukai sebagai Tonggak Kestabilan Fiskal Negara**

Kutipan cukai memberikan keupayaan kepada kerajaan untuk membiayai pelbagai keperluan asas negara termasuk pembangunan infrastruktur, penyediaan perkhidmatan kesihatan awam, sistem pendidikan yang berkualiti, keselamatan sosial serta pelaburan dalam sektor strategik. Keupayaan ini membolehkan pembiayaan dilakukan tanpa pergantungan berlebihan pada pinjaman atau sumber kewangan luar yang bersifat tidak menentu.

Selain itu, cukai juga berperanan sebagai alat pengagihan semula kekayaan. Melalui sistem percukaian progresif dan penyasaran subsidi, kerajaan dapat merapatkan jurang sosioekonomi, membela golongan rentan dan menyokong mobiliti sosial. Hal ini sejajar dengan prinsip keadilan fiskal dengan golongan yang lebih berkemampuan memberikan sumbangan yang lebih besar untuk dimanfaatkan bersama.

Dari sudut kawalan makroekonomi, dasar percukaian berperanan penting bagi mengurus kitaran ekonomi. Semasa kemelesetan, pelonggaran cukai boleh merangsang perbelanjaan dan pelaburan. Sebaliknya, dalam tempoh pertumbuhan ekonomi yang pesat, pengawalan dasar fiskal melalui cukai memainkan peranan penting bagi menstabilkan inflasi dan mengekalkan keseimbangan fiskal negara.

Sistem percukaian yang cekap dan berkesan bukan sahaja menjamin kelangsungan sumber hasil dan kestabilan fiskal jangka panjang, malah membolehkan kerajaan merancang dengan lebih yakin, melaksanakan dasar secara konsisten dan mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi untuk menghadapi sebarang kejutan ekonomi luar jangka. Dalam landskap ekonomi yang tidak menentu, cukai tidak lagi hanya berfungsi sebagai sumber hasil negara, sebaliknya menjadi asas penting kepada tadbir urus fiskal yang baik, sekali gus menyokong agenda pembangunan negara secara inklusif dan mampan.

Namun begitu, keberkesanan sistem fiskal amat bergantung pada tahap pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, usaha meningkatkan kesedaran awam, memperkukuh mekanisme penguatkuasaan dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan perlu dilaksanakan secara berterusan.

### **Cukai: Tanggungjawab Kolektif Demi Masa Hadapan Negara**

Pelaporan dan pembayaran cukai bukan semata-mata berkaitan dengan pematuhan terhadap undang-undang. Sebaliknya, tindakan ini mencerminkan nilai moral yang jauh lebih mendalam sebagai simbol perpaduan nasional, semangat kebersamaan dan rasa tanggungjawab kolektif terhadap kemakmuran tanah air.

Kesedaran dan komitmen setiap lapisan masyarakat bagi melaksanakan pematuhan cukai secara jujur dan berintegriti menjadi teras kepada pembinaan negara yang sejahtera dan makmur. Melalui tanggungjawab ini, rakyat dapat memastikan hasil pendapatan negara berterusan, sekali gus menyokong pembangunan yang menyeluruh dan memupuk keyakinan masyarakat terhadap sistem percukaian yang telus dan adil.

Tanggungjawab membayar cukai merupakan asas kepada kontrak sosial antara rakyat dengan negara, iaitu satu ikatan yang memperkukuh struktur demokrasi moden dan menjamin keupayaan negara untuk memenuhi keperluan rakyat dari generasi ke generasi. Sumbangan ini berbentuk tidak langsung, tetapi signifikan yang menjadi nadi kepada pembangunan berterusan dan daya tahan negara bagi mendepani cabaran global.

Bagi mencapai status ekonomi maju, negara memerlukan asas fiskal yang mampan dan inklusif. Kebersamaan untuk memenuhi tanggungjawab fiskal ini bukan sahaja menjadikan negara lebih bersedia mendepani krisis, malah membina asas yang kukuh untuk kemakmuran jangka panjang.

Oleh itu, pembayaran cukai tidak seharusnya dilihat sebagai beban. Sebaliknya tindakan ini perlu dijadikan budaya sebagai manifestasi cinta rakyat terhadap negara demi kemajuan, keadilan dan kesejahteraan bersama.





## Kuiz

## Meraikan Kebersamaan melalui Tanggungjawab Percukaian

|   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P | E | N | T | N | A | A | U | N | E | M | T | I | M | O | K |
| P | U | R | A | A | E | D | O | O | R | A | I | A | L | M | P |
| E | U | F | I | U | T | E | K | A | N | N | I | K | E | T | E |
| N | B | J | T | T | H | T | T | A | N | A | U | A | A | L |   |
| G | E | A | U | N | U | Y | Z | T | N | A | B | C | D | M | O |
| A | R | A | L | A | R | A | N | T | G | D | S | A | A | N |   |
| G | T | E | L | B | N | H | I | A | A | N | U | A | B | N | G |
| I | E | E | N | D | I | S | A | Y | A | A | A | T | D | T | G |
| H | R | E | W | S | O | S | I | A | L | W | N | U | E | U | A |
| A | U | K | E | S | E | J | A | H | T | E | R | A | A | N | R |
| N | S | K | U | F | E | E | D | A | K | K | P | P | A | H | A |
| I | A | T | N | S | P | M | E | N | J | A | M | I | N | H | N |
| I | N | F | R | A | S | T | R | U | K | T | U | R | N | I | P |

1. Setiap rakyat Malaysia perlu memainkan peranan bagi menghadapi ketidakpastian ekonomi untuk membangunkan sistem pendidikan dan \_\_\_\_\_ awam yang mampan.
2. Cukai melambangkan komitmen bersama untuk menyokong pembangunan infrastruktur, menjamin \_\_\_\_\_ sosial dan memperkukuh keadilan ekonomi.
3. Sebanyak RM335 billion diperuntukkan untuk subsidi, emolumen penjawat awam, \_\_\_\_\_ sosial dan perbelanjaan berkaitan dengan perkhidmatan, serta pengurusan pentadbiran negara.
4. \_\_\_\_\_ langsung menyumbang lebih daripada 60 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan.
5. Hasil daripada kutipan cukai membolehkan pelaburan dalam sektor strategik oleh kerajaan dilakukan tanpa pergantungan berlebihan pada pinjaman atau sumber \_\_\_\_\_ luar.
6. Cukai juga berperanan sebagai alat \_\_\_\_\_ semula kekayaan dan mampu merapatkan jurang sosioekonomi, membela golongan rentan dan menyokong mobiliti sosial.
7. \_\_\_\_\_ cukai mampu merangsang perbelanjaan dan pelaburan semasa kemelesetan ekonomi.
8. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, meningkatkan kesedaran awam berkaitan dengan percukaian dan memperkukuh mekanisme penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara \_\_\_\_\_ supaya tahap pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat terus meningkat.
9. Kesedaran dan \_\_\_\_\_ setiap lapisan masyarakat dalam melaksanakan pematuhan cukai secara jujur dan berintegriti ialah teras kepada pembinaan negara yang sejahtera dan makmur.
10. Tanggungjawab membayar cukai ialah asas kepada kontrak sosial antara rakyat dengan negara, iaitu satu ikatan yang memperkukuh struktur demokrasi moden dan \_\_\_\_\_ keupayaan negara untuk memenuhi keperluan rakyat dari generasi ke generasi.

### Peraturan

1. Peraduan ini terbuka kepada pembaca majalah *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
2. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
  - (i) Nama;
  - (ii) Alamat Rumah;
  - (iii) Nombor Kad Pengenalan;
  - (iv) Nombor Telefon;
  - (v) Nama Bank;
  - (vi) Nombor Akaun Bank: (Akaun Milik Peserta)
  - (vii) E-mel:
3. Jawapan hendaklah dihantar kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2025 melalui e-mel yang berikut:
  - (i) azizi.mamat@hasil.gov.my
  - (ii) muhammadhisham@hasil.gov.my
4. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

**Hadiah Menarik!**

**"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpantas!"**